



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
TINGKAT 13, GAYA CENTRE
JALAN TUN FUAD STEPHENS
BEG BERKUNCI NO. 2073
88999 KOTA KINABALU
SABAH

TELEFON: 088-260735
(260741/2/3/4 - (Sbg. 16)

TELEFAKS: 088-260731

PEJABAT PENDAFTAR

Ruj. Kami: UMS/PN 2.1/P5/2

Tarikh: 24 Disember 1996

PEKELILING PENDAFTAR BIL. 12/96

Dekan/Pengarah Sekolah/HEP/Pusat
Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Penolong Pendaftar Jabatan/Sekolah
Universiti Malaysia Sabah

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

**PENGUBAHSUAIAN SISTEM BARU PENILAIAN PRESTASI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa beberapa pengubahsuaian terhadap Sistem Baru Penilaian Prestasi (SBPP) kakitangan Universiti Malaysia Sabah telah dibuat selaras dengan *Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 1996 (Pengubahsuaian Sistem Baru Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam Malaysia)*.

2. Aspek pelaksanaan utama yang telah diubahsuai ialah dari aspek jadual penyediaan laporan. Setiap Pegawai Penilai Pertama perlu menyediakan penilaian prestasi anggota di bawah penyeliaan mereka dalam bulan Januari tahun berikutnya. Tujuannya ialah supaya dalam keadaan biasa, penilaian prestasi seseorang anggota itu dapat disediakan bagi tempoh genap 12 bulan.
3. Sehubungan dengan itu, mulai tahun 1996, pejabat ini akan mengedarkan borang penilaian prestasi dalam bulan Disember. **Carta Aliran Proses dan Jadual Penyediaan Laporan Penilaian Prestasi Tahun 1996, Universiti Malaysia Sabah adalah seperti di Lampiran I.** Jadual yang telah ditetapkan ini perlu diikuti agar urusan penyelarasan gaji kakitangan dapat dilaksanakan mengikut jadual.
4. Di bawah sistem penilaian prestasi ini, dua peringkat anggota yang terlibat dalam membuat penilaian prestasi seseorang Pegawai Yang Dinilai (PYD), iaitu Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK). Senarai susunan PYD, PPP dan PPK bagi UMS adalah seperti di Lampiran II.
5. Untuk penilaian prestasi tahun 1996, borang Sasaran Kerja Tahunan (SKT) tidak perlu dilampirkan. **Penggunaan borang SKT1 dan SKT2 akan dilaksanakan mulai tahun 1997 dan dilampirkan kepada borang penilaian prestasi sebagai Lampiran 'B'.** Pihak Jabatan/Sekolah/Pusat/Unit hendaklah mencetak borang SKT1 dan SKT2 untuk kegunaan kakitangan masing-masing.
6. Borang penilaian prestasi yang telah diubahsuai adalah seperti berikut:
 - (i) Borang UMS (Prestasi) 2/96 untuk anggota Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Gred 1, 2 dan 3; dan
 - (ii) Borang UMS (Prestasi) 3/96 untuk anggota Kumpulan Sokongan (I); dan
 - (iii) Borang UMS (Prestasi) 4/96 untuk anggota Kumpulan Sokongan (II).

Borang-borang di atas hendaklah digunakan bagi penilaian prestasi mulai tahun 1996.

7. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, tiada pengubahsuaian ke atas borang laporan penilaian prestasi bagi Naib Canselor/Timbangan Naib Canselor/Profesor/Prof. Madya/Pensyarah.

8. Bersama-sama ini disampaikan perkara-perkara berikut untuk makluman, rujukan dan tindakan selanjutnya.

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1996 dan Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Perkhidmatan Awam Malaysia;
- (ii) Contoh borang laporan penilaian prestasi tahunan Universiti Malaysia Sabah
 - a. UMS (Prestasi) I (Naib Canselor/Timbangan Naib Canselor/Profesor)
 - b. UMS (Prestasi) II (Prof. Madya/Pensyarah)
 - c. UMS (Prestasi) III (Tutor) (akan diedarkan kemudian)
 - d. UMS (Prestasi) 2/96
 - e. UMS (Prestasi) 3/96
 - f. UMS (Prestasi) 4/96
- (iii) Contoh borang SKT1 dan SKT2
- (iv) Lampiran:
 - Carta Aliran Proses dan Jadual Penyediaan Laporan Penilaian Prestasi Tahun 1996 UMS (Lampiran I)
 - Susunan PYD, PPP dan PPK (Lampiran II)

9. Panduan Pelaksanaan Sistem Penilaian Prestasi ini memberi penjelasan kepada semua pegawai yang terlibat seperti Pegawai Yang Dinilai (PYD), Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) berhubung dengan prinsip-prinsip, cara penyediaan serta kaedah pengendalian Laporan Penilaian Prestasi. Panduan ini hendaklah diikuti sepenuhnya oleh semua pegawai yang terlibat supaya dapat menghasilkan **penilaian yang adil dan objektif**.

10. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan pelaksanaan sistem baru penilaian prestasi ini kepada semua pegawai di bawah pengawasan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan.

11. Pemakaian Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1996.

12. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pihak kami untuk keterangan selanjutnya.

Atas kerjasama dan sokongan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

' BERTEKAD CEMERLANG '

Yang benar
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


HELA LADIN MOHD. DAHALAN
Pendaftar
b.p. Naib Canselor

DMA:mk

s.k.: - Naib Canselor UMS
- Timbalan Naib Canselor UMS
- Bendahari

m sword/mar28-lporpres